

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.10

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan peratusan peningkatan tarif baru berkenaan cadangan Kementerian untuk mengenakan caj yang lebih tinggi di waktu puncak penggunaan elektrik serta peratusan pengurangan caj tersebut kepada pengguna luar waktu puncak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Skim tarif berdasarkan masa penggunaan atau *Enhanced Time of Used* (EToU), dengan izin, telah diperkenalkan kepada pengguna komersial dan industri Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak 1 Januari 2016. Skim EToU ini tidak bersifat mandatori dan ia ditawarkan sebagai pilihan kepada pengguna. Oleh itu, pengguna bebas untuk memilih sama ada ingin mengekalkan skim tarif asal ataupun menukar kepada skim baharu EToU ini.

2. Buat masa ini, skim EToU belum lagi diperkenalkan kepada pengguna domestik atau kediaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Tenaga masih lagi dalam proses

NO. SOALAN : 10

mengkaji kadar yang sesuai serta tempoh zon masa waktu puncak, pertengahan puncak dan luar puncak untuk diperkenalkan kepada pengguna domestik menjelang suku pertama tahun 2021.

3. Melalui skim EToU ini, pengguna boleh mengawal penggunaan elektrik mereka. Skim ini menggalakkan pengguna untuk menggunakan elektrik dengan lebih efisien di mana pengguna boleh mengurangkan penggunaan elektrik pada waktu puncak di mana kadar tarifnya adalah lebih tinggi berbanding penggunaan elektrik ketika waktu pertengahan dan luar puncak yang mana kadar tarifnya adalah lebih rendah untuk aktiviti yang sama. Oleh itu, sekiranya pengguna beroperasi pada luar waktu puncak, mereka akan dapat menikmati kadar tarif yang lebih rendah sekali gus mengurangkan bil elektrik mereka.

Sekian, terima kasih.